

**IMPLIKASI PEMBANGUNAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
(UTHM) TERHADAP PERKEMBANGAN FUNGSI PERNIAGAAN DAN
PERDAGANGAN DI KAWASAN PARIT RAJA, DAERAH BATU PAHAT**

RIYANTO BIN SUMARDI

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2008

ABSTRAK

Pembangunan fungsi perniagaan dan perdagangan di sesebuah kawasan amat dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan penduduk di kawasan petempatan tersebut. Semakin besar jumlah penduduk maka semakin besarlah jumlah permintaan terhadap unit-unit fungsi perniagaan dan perdagangan ini. Kebiasaanya, penawaran unit-unit fungsi yang ditawarkan di sesebuah kawasan adalah mencukupi untuk membekalkan barangan keperluan harian kepada penduduk kawasan tersebut. Namun begitu, jika berlaku migrasi masuk penduduk secara beramai-ramai ke kawasan petempatan tersebut ia akan menyebabkan berlakunya pertambahan yang mendadak terhadap penawaran dan permintaan barangan keperluan harian penduduk. Dalam konteks kajian, pembangunan agensi kerajaan berskala besar iaitu UTHM dilihat telah mendorong perkembangan pembangunan unit-unit fungsi perniagaan dan perdagangan yang terdapat di kawasan kajian. Hal ini adalah disebabkan oleh pertambahan permintaan barangan keperluan harian yang datangnya dari pelajar dan staf universiti berkenaan. Berdasarkan keadaan ini, dapat disimpulkan bahawa penawaran unit-unit fungsi perniagaan dan perdagangan di sesebuah kawasan petempatan haruslah berupaya untuk menampung permintaan dan berupaya untuk membekalkan barangan keperluan harian yang secukupnya untuk keperluan harian penduduk di kawasan berkenaan. Selain itu, beberapa faktor lain seperti kepelbagaian penawaran unit-unit fungsi perniagaan dan perdagangan di sesebuah kawasan perniagaan haruslah diambil kira di dalam membekalkan barangan keperluan bagi memastikan citarasa, kualiti dan kehendak penduduk terhadap penawaran barangan tersebut dapat dipenuhi dengan baik dan sempurna.

ABSTRACT

Development of business and trading functions in certain location are much influenced by its population growth rate. Larger population result to larger market demand for urban business and trade functions' units. Usually, in most places, adequate number of function units was establish to supply locals' daily goods requirement and demand. However, if large migration population flux into the area, sudden increases in daily goods need and demand will be inevitable. In this research, we observe the impact and role of Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), a large scale development project initiate by government, in catalyzing progress and development of business and trade sector in Parit Raja. Daily goods' demand trend in the area escalated in conjunction to the project, as there area added population of the university staffs and students in the area. In reference to this condition, we can conclude that supply of business and trade function units must be able to accommodate daily goods' requirement and demand for in each dwelling area. Nevertheless, without neglecting other factor such diversity of business and trading function unit supply must be taken into account, so, they may fit best with locals' taste, quality expectation and desire.